

PROMOSI TAHUN BARU CINA HLB CONNECT 2026

[\(English Version\)](#)

Kemas Kini Terakhir 13 Januari 2026

PROMOTION PERIOD

“Promosi Tahun Baru Cina HLB Connect 2026” (“**Promosi**”) Hong Leong Bank Berhad’s (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 26 Januari 2026 dan berakhir pada 26 Februari 2026 (“**Tempoh Promosi**”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMS & CONDITIONS

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“**T&S**”):

ELIGIBILITY

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia (“**HLB Connect**”) dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”), HLB Meezani Akaun-i (“**Meezani Akaun-i**”) dan/atau Kad Kredit HLB (“**Kad Kredit**”) (selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan**”).
2. Pihak Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - (i) pernah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan;
 - (ii) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i, Meezani Akaun-i, dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (“**Terma dan Syarat yang Terpakai**”) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
 - (a) mendaftar untuk HLB Connect, melakukan transaksi yang layak (“**Transaksi Yang Layak**”) dan memperoleh mata (“**Mata Connect**”) seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect baharu); ATAU
 - (b) log masuk HLB Connect, melakukan Transaksi Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect yang sedia ada).

(Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Yang Layak**”).

4. Pelanggan Yang Layak yang menepati syarat yang dinyatakan di bawah Klausa 3 di atas akan memperoleh Mata Connect sepanjang Tempoh Promosi berpeluang memenangi hadiah yang tersenarai ("Hadiah") di dalam [Jadual 1](#) di bawah.

Jadual 1: Hadiah & Pemilihan Pemenang

Hadiah	Kaedah Pemilihan Pemenang	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama: Baucar Percutian ke Shanghai bernilai RM15,000	• Pelanggan yang mengumpul Mata Connect tertinggi dan ke-2 tertinggi pada hujung Tempoh Promosi. • Pemenang Hadiah Utama ini tidak layak untuk memenangi Hadiah lain daripada Promosi ini, kecuali Hadiah Istimewa.	2
Hadiah Kedua: Jongkong Emas (10 gram) bernilai RM6,000	• Pelanggan yang mengumpul Mata Connect ke-3 tertinggi hingga ke-5 tertinggi pada hujung Tempoh Promosi. • Pemenang Hadiah Kedua ini tidak layak untuk memenangi Hadiah lain daripada Promosi ini, kecuali Hadiah Istimewa.	3
Hadiah Ketiga: Kad Hadiah Harvey Norman bernilai RM5,000	• Pelanggan yang mengumpul Mata Connect ke-6 tertinggi hingga ke-8 tertinggi pada hujung Tempoh Promosi. • Pemenang Hadiah Ketiga ini tidak layak untuk memenangi Hadiah lain daripada Promosi ini, kecuali Hadiah Istimewa.	3
Hadiah Keempat: Jam Tangan Fitness Garmin Venu X1 bernilai RM3,479	• Pelanggan yang mengumpul Mata Connect ke-9 tertinggi hingga ke-10 tertinggi pada hujung Tempoh Promosi. • Pemenang Hadiah Keempat ini tidak layak untuk memenangi Hadiah lain daripada Promosi ini, kecuali Hadiah Istimewa.	2
Hadiah Saguhati: e-Baucar Decathlon bernilai RM300	• Pelanggan yang mengumpul Mata Connect ke-11 tertinggi hingga ke-110 tertinggi pada hujung Tempoh Promosi. • Pelanggan yang dipilih untuk memenangi Hadiah Saguhati ini tidak layak untuk memenangi Hadiah lain	100

	daripada Promosi ini, kecuali Hadiah Istimewa.	
Hadiah Istimewa: Pulangan Tunai "Angpow" RM88	- Pelanggan Baru kepada Bank yang membuka akaun simpanan CASA/CASA-i melalui Apply@HLB, mengaktifkan akaun tersebut dengan deposit minimum RM100 daripada akaun sendiri yang dipegang oleh Pelanggan di Bank lain, dan melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 dalam Tempoh Promosi. 188 Pelanggan terawal yang memenuhi semua keperluan di atas akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Istimewa.	188

- Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, seratus sepuluh (110) Pelanggan Layak yang mengumpul jumlah Mata Connect tertinggi sepanjang Tempoh Promosi akan memenangi Hadiah yang dinyatakan dalam [Jadual 1](#). Hadiah akan diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat sehingga Hadiah yang dinyatakan dalam [Jadual 1](#) telah diagihkan sepenuhnya. Bank akan memperuntukkan Mata Connect untuk setiap Transaksi Yang Layak semasa Promosi seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#).
- Dalam situasi keputusan seri, Pelanggan Layak yang mencapai Mata Connect terlebih dahulu akan dipilih sebagai Pemenang. Ini hanya terpakai untuk kedudukan Mata Connect yang ke-110 tertinggi.

Jadual 2: Transaksi yang Layak dan Peruntukan Mata

Transaksi Yang Layak	Mata Connect bagi setiap Transaksi Yang Layak yang berjaya	Maksimum Mata Connect Harian	Maksimum Mata Connect yang boleh diperolehi sepanjang Tempoh Promosi
Membuat Pemindahan ke Luar Negara (min. RM1,000 setiap pindahan)	20	60	240

melalui HLB Connect Online.			
Membuat pembayaran dengan FPX atau Duitnow Online Banking/Wallets (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online, dibiayai oleh CASA/CASA-i or Meezani Akaun-i.	20	100	3,200
Membuat pembayaran dengan FPX atau Duitnow Online Banking/Wallets (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online, dibiayai oleh Kad Kredit.	30	150	4,800
Membuat Pembayaran Bil (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect, dibiayai oleh CASA/CASA-i or Meezani Akaun-i.	20	100	3,200
Membuat Pembayaran Bil (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect, dibiayai oleh Kad Kredit.	30	150	4,800
Membuat QR Rentas Sempadan kepada peniaga asing (minimum RM50 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App.	8	24	768
Membuat Pembayaran Duitnow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga tempatan (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App, dibiayai oleh CASA/CASA-i or Meezani Akaun-i.	20	100	3,200
Membuat Pembayaran Duitnow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga tempatan (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App, dibiayai oleh Kad Kredit.	30	150	4,800

Membuat Tambah Nilai Prabayar (minimum RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect.	10	30	960
Membuat Pembayaran Duitnow QR ("PRP QR") kepada keluarga dan rakan-rakan (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App.	5	20	640
Membuat Pindahan Duitnow ke Nombor Mudah Alih, Kad Pengenalan/Pasport/Pendaftaran Perniagaan (minimum RM10 setiap pindahan) melalui HLB Connect.	5	20	640
Memohon Kad Kredit (Kad baru sahaja) melalui HLB Connect - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya	500	500	500
Memohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i melalui HLB Connect - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya	300	300	300
Memohon Quick Cash/Pindahan Baki/Pelan Pembayaran Flexi melalui HLB Connect - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya	100	300	900
Melanggan dana Baharu dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i melalui HLB Connect Online - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya. Akaun Pelaburan Berjangka-i tidak dilidungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun	20	40	160

<i>Pelaburan Berjangka-i</i>			
Melabur unit Baharu atau tambah nilai dana Unit Amanah sedia ada dengan HLB Wealth minimum RM50 setiap dana unit amanah) melalui HLB Connect Online. - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya. Pelaburan Unit Amanah tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit diinsuranskan anda tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika pindahkan ke Skim Unit Amanah/Unit Amanah Islam.	50	150	600
Melabur dana ASBN baharu atau tambah nilai dana sedia ada (minimum RM100 setiap pelaburan) melalui HLB Connect Online. - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya. Akaun ASBN tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun ASNB.	10	50	1,600
Meletakkan eDeposit Tetap/-i ("eFD/eFD-I") melalui HLB Connect - Mata Connect diberi untuk perletakan yang berjaya	100	200	800
Tukar MYR ke mata wang asing (minimum RM200 setiap pertukaran) dengan Akaun HLB Pay&Save/-i atau Akaun HLB Wallet/-i Pelbagai Mata Wang Akaun melalui HLB Connect App.	20	40	1,280
Memohon polisi Insurans melalui HLB Connect App - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya. Walau	100	300	600

<i>bagaimanapun, mata tersebut TIDAK akan ditunjukkan dalam halaman Penjejak Mata anda dan sebaliknya akan ditambahkan pada pengiraan jumlah Mata Connect anda oleh Bank pada hujung Promosi.</i>			
Memohon pembukaan akaun HLB melalui Apply@HLB app - Mata Connect diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya. Walau bagaimanapun, mata tersebut TIDAK akan ditunjukkan dalam halaman Penjejak Mata anda dan sebaliknya akan ditambahkan pada pengiraan jumlah Mata Connect anda oleh Bank pada hujung Promosi	250	250	250

7. Setiap Pemenang Hadiah hanya layak menerima satu (1) Hadiah (sebagai Hadiah Utama, Kedua, Ketiga, Keempat, dan Saguhati) dan/atau Hadiah Istimewa Ringgit Malaysia Lapan puluh lapan(RM88) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi.
8. Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja PFS Digital TIDAK layak memenangi Hadiah.

HALAMAN PENJEJAK MATA CONNECT (TERSEDIA MULAI DARIPADA 1 FEBRUARI 2026)

9. Pelanggan Yang Layak yang telah berjaya melaksanakan sebarang Transaksi Yang Layak seperti yang disenaraikan dalam [Jadual 2](#) di atas (kecuali dinyatakan sebaliknya) dalam Tempoh Promosi boleh melihat Mata Connect mereka pada Halaman Penjejak Mata Connect. Halaman Penjejak Mata boleh diakses selepas log masuk ke HLB Connect Online atau HLB Connect App.
10. Transaksi yang tidak berjaya atau tidak lengkap (contohnya tamat masa sistem) di mana Pelanggan Yang Layak melakukan Transaksi Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di atas tetapi tidak melengkapkan transaksi, tidak layak mendapat sebarang Mata Connect.
11. Untuk Transaksi Yang Layak di mana status transaksi tidak tersedia serta-merta, Mata Connect akan ditambah pada hari Transaksi Yang Layak yang dilakukan setelah Transaksi Yang Layak telah berjaya dilaksanakan.
12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada Mata Connect, Mata Connect yang dikira oleh Bank selepas tamatnya Promosi ini akan dianggap tepat dan muktamad.

PENGUMUMAN DAN PEMENUHAN PEMENANG

13. Senarai Pemenang akan disiarkan www.hlb.com.my/connectcny26 ("**Laman Web Promosi**") **pada 26 Mei 2026**. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
14. Pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui pemberitahuan tolak HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**") dan/atau emel selewat-lewatnya **pada 12 Jun 2026**. Pemenang dikehendaki membalas dan/atau memberikan maklumat terkini dan sah mereka (seperti penghantaran alamat (dalam Malaysia Sahaja), nombor telefon mudah alih, dan lain-lain) kepada Bank selewat-lewatnya sebelum 20 Jun 2026, jika gagal, Hadiah akan dibatalkan. Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang ini pada tarikh yang ditetapkan di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tiada balasan kepada Pemberitahuan Aplikasi kami, ruang simpanan peti masuk tidak mencukupi untuk menerima emel), mereka akan hilang kelayakan secara automatik dan Hadiah akan terbatal.
15. Terma dan syarat untuk **Baucar Percutian ke Shanghai ("Pemenang Baucar Percutian")**:
 - (i) Pemenang Hadiah akan menerima baucar percutian yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel Sdn Bhd ("**Holiday Tours & Travel**") **antara 10 Julai 2026 dan 20 Julai 2026**.
 - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terbaru dan sah mereka, dan pihak Bank atau Syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak Bank atau Syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang untuk urusan penghantaran atau pengambilan Hadiah atas sebarang sebab.
 - (iii) Adalah menjadi tanggungjawab bagi Pemenang Baucar Percutian untuk membuat tuntutan, tempahan dan/atau pengaturan bagi servis berkaitan percutian daripada Holiday Tours & Travel. Untuk sebarang keraguan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan/atau yuran yang berkaitan dengannya, dan sebarang kos dan/atau yuran berkenaan dengannya akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang dan bertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Holiday Tours & Travel:
 - (a) Baucar Percutian tersebut tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai;
 - (b) Pemenang Baucar Percutian akan menuntut Baucar Percutian daripada Holiday Tours & Travel sahaja dan pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar semula kepada Pemenang bagi sebarang kos yang ditanggung hasil daripada penebusan Baucar Percutian selaras Klausula 15 (iii)(b);
 - (c) Penebusan adalah terhad kepada satu (1) kali sahaja, penebusan berkala berulang tidak dibenarkan;
 - (d) Sebarang servis berkenaan percutian atau kos tambahan yang melebihi nilai Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemegang semasa membuat tempahan. Namun, jika nilai penebusan adalah kurang dari nilai Baucar Percutian, tiada bayaran balik akan diproses;

- (e) Baucar Percutian hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh dikeluarkan, dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemegang gagal menebus Baucar Percutian dalam tempoh yang ditetapkan;
- (f) Penebusan Baucar Percutian tidak sah semasa penganjuran Malaysian Association of Tour and Travel Agents Fair atau sepanjang tempoh promosi;
- (g) Pemegang mesti mengemukakan dokumen pengenalan diri (NRIC/Passport) dan Baucar Percutian asal semasa penebusan daripada Holiday Tours & Travel;
- (h) Baucar Percutian adalah tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk di dalam penerbangan, penginapan hotel, dan pengaturan perjalanan darat seperti yang ditentukan oleh Holiday Tours & Travel pada waktu penebusan. Sebarang kos tambahan yang dipilih melebihi nilai Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemenang, dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan/atau bayaran yang berkaitan dengannya;
- (i) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pihak Bank tidak membuat sebarang representasi atau jaminan berkenaan kualiti atau kesesuaian Baucar Percutian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahan dan/atau penggunaannya) dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Baucar Percutian yang hilang, dicuri atau rosak;
- (j) Pemenang Baucar Percutian hendaklah berurusan terus dengan Holiday Tours & Travel untuk sebarang pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan dengan Baucar Percutian tanpa melibatkan pihak Bank. Segala risiko, kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkaitan dengan penggunaan Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemegang;
- (k) Baucar Percutian sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada Baucar Percutian tersebut. Jika Baucar Percutian tidak digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada Baucar Percutian tersebut, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk melanjutkan tempoh sah atau menggantikan Baucar Percutian tersebut. Selain itu, pihak Bank tidak akan memberikan bayaran balik atau pampasan bagi bahagian Baucar Percutian yang tidak digunakan sekiranya Pemegang gagal untuk menggunakannya sepenuhnya; dan
- (l) Kecuali dan melainkan jika peruntukkan secara khusus dalam T&S ini, Pemenang Baucar Percutian bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan semua dokumen perjalanan, permit, visa (jika berkenaan) yang diperlukan dan membuat pengaturan yang perlu bagi membolehkan Pemenang Baucar Percutian melakukan perjalanan ke destinasi percutian.

16. **Terma dan Syarat untuk Pemenang Jongkong Emas (“Pemenang Jongkong Emas”):**

- (i) Surat rasmi (“**Surat Makluman**”) akan dihantar melalui pos kepada Pemenang Jongkong Emas selewat-lewatnya **pada 12 Jun 2026** yang mengandungi butiran mengenai pengambilan Jongkong Emas tersebut. Jongkong Emas hendaklah diambil sendiri oleh Pemenang Jongkong Emas atas kos dan perbelanjaan sendiri dengan mengemukakan dokumen pengenalan diri Pemenang Jongkong Emas (NRIC/Pasport) dan juga salinan asal Surat Makluman yang dikeluarkan kepada mereka di cawangan pedagang (**WAH CHAN**) yang terdekat dengan alamat Pemenang Jongkong Emas

- antara 15 Jun 2026 dan 20 Julai 2026.** Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Jongkong Emas tersebut dibatalkan hak.
- (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan pihak Bank atau Syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak Bank atau Syarikat kurier yang tidak dapat menghubungi Pemenang bagi tujuan pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Surat Makluman atas apa jua sebab sekalipun.
 - (iii) Pemenang Emas Bar tidak dibenarkan untuk mencalonkan orang lain bagi mengambil Emas Bar bagi pihak beliau.
17. **Terma dan Syarat untuk Pemenang bagi Kad Hadiah Harvey Norman (“Pemenang Kad Hadiah”):**
- (i) Pemenang bagi Kad Hadiah akan dihubungi oleh pembekal (contoh vendor Hadiah atau syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk urusan penghantaran atau pengambilan Kad Hadiah (contohnya pengambilan sendiri di syarikat kurier jika tiada sesiapa di alamat penghantaran) **antara 10 Julai 2026 hingga 20 Julai 2026**, dan jika gagal Kad Hadiah tersebut akan dibatalkan.
 - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan pihak Bank atau Syarikat kurier yang dilantikan tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak Bank atau Syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang bagi tujuan pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah atas apa jua sebab sekalipun.
 - (iii) Hadiah adalah tertakluk kepada set terma dan syarat sendiri yang dikeluarkan oleh: Elitetrax Marketing Sdn Bhd (200301013807 (616227-D)) di <https://www.harveynorman.com.my/gift-card-terms-and-conditions.html> (“**Laman Web Pembekal Kad Hadiah**”).
 - (iv) Pemenang dikehendaki mengakses Laman Web Pembekal Kad Hadiah untuk melihat terma dan syarat tersebut.
18. **Terma dan syarat untuk Pemenang Hadiah e-Baucar Decathlon (“Pemenang e-Baucar”):**
- (i) Pemenang e-Baucar akan menerima e-Baucar atau kod melalui Pemberitahuan Aplikasi atau emel (berdasarkan maklumat terkini Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank) **antara 10 Julai 2026 hingga 20 Julai 2026**.
 - (ii) Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pemenang mengenai status pemenuhan/penghantaran e-Baucar atau kod. Pemenang Hadiah dikehendaki menyemak emel atau mengakses HLB Connect App mereka pada selang masa yang tetap untuk menyemak status pemenuhan/penghantaran e-Baucar atau kod.
 - (iii) Hadiah adalah tertakluk kepada set terma dan syarat sendiri yang dikeluarkan oleh: Decathlon Malaysia Sdn Bhd. (201401034750 (1110849-T)) di <https://www.decathlon.my/s/giftcards> (“**Laman Web Pembeka e-Baucar**”).
 - (iv) Pemenang dikehendaki mengakses Laman Web Pembekal e-Baucar untuk melihat terma dan syarat tersebut.
19. **Terma dan syarat untuk Pemenang jam tangan fitness Garmin (“Pemenang Jam Tangan Garmin”):**
- (i) Pemenang Jam Tangan Garmin akan dihubungi oleh pembekal (contoh vendor Hadiah atau syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk urusan penghantaran atau

- pengambilan Hadiah (contohnya pengambilan sendiri di Syarikat kurier jika tiada sesiapa di alamat penghantaran) **antara 10 Julai 2026 hingga 20 Julai 2026**, dan jika gagal Hadiah tersebut akan dibatalkan.
- (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan pihak Bank atau Syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak Bank atau Syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang bagi tujuan pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah atas apa jua sebab sekalipun.
20. Hadiah Istimewa Pulangan Tunai Angpow akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Hadiah Istimewa dengan Bank selewat-lewatnya **pada 10 Jun 2026**. Oleh yang demikian, Pemenang Hadiah Istimewa perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah **sehingga 31 Julai 2026**, jika gagal Pulangan Tunai Angpow akan dibatalkan.
21. Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan model atau warna yang lain, wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
22. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah) dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak. Para Pemenang Hadiah hendaklah berurusan secara terus dengan pembuat/vendor bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan dari Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
23. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.
24. Pihak Bank berhak untuk menggantikan Hadiah (kecuali Hadiah Istimewa) dengan mana-mana item atau pulangan tunai yang mempunyai nilai setara mengikut budi bicara pihak Bank dengan notis terlebih dahulu.
25. Semua Hadiah akan disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.
26. Adalah kewajipan semua Pemenang Hadiah untuk menghubungi pihak Bank mengenai kegagalan penerimaan Hadiah sebelum **31 Julai 2026**, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Pemenang Hadiah dianggap telah menerima Hadiah tersebut dan sebarang tuntutan pembayaran balik selepas 31 Julai 2026 tidak akan diproses

27. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
- (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, nombor telefon, alamat rumah/tempat kerja kepada Syarikat kurier yang dilantik oleh Bank bagi pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah-hadiah untuk Promosi ini, dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan SMS atau emel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat rumah/tempat kerja dan secara segera memaklumkan pihak Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya pihak Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak disebabkan oleh nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau rumah/tempat kerja yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah atau, emel dan/atau pemenuhan/penghantaran tidak dapat disampaikan atas apa juga sebab;
 - (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
 - (vii) bersetuju untuk menyemak Laman Web Promosi dengan kerap untuk melihat T&S kepada Promosi dan untuk terus mengikut perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku seperti:
 - (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;
 - (b) sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelancongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.
- (selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").
- Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang

- Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;
- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj Syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
 - (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
28. Pihak Bank berhak:
- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
 - (ii) membatalkan Hadiah yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
 - (iii) untuk menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.
29. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
30. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.
31. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
32. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dan eFD/eFD-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit ([rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Produk CASA-i dan eFD-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Insurans ditaja jamin oleh MSIG Insuran (Malaysia) Bhd (197901002705) (46983-W), dan diedarkan oleh Hong Leong Bank Berhad. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada Risalah TIPS PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (<http://www.msig.com.my>) atau PIDM (visit www.pidm.gov.my). Bank tidak

menerima tanggungjawab atau liabiliti untuk pelan atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.

Akaun Meezani Account-i tidak dilindungi oleh PIDM.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.